

**Nizar Pemimpin Tidak Boleh Dipercayai, Kata Kong Cho Ha  
Bernama  
5 April, 2012**

LUMUT, 5 April(Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha mendakwa Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin telah hilang kredibiliti dan tidak boleh dipercayai selepas pendedahan surat berhubung projek pelaburan bijih besi oleh Vale International, semalam.

Kong yang juga Anggota Parlimen Lumut mendakwa Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Perak kawasan Pasir Panjang dari PAS itu telah memutarbelitkan fakta untuk mengelirukan rakyat.

"Siapa yang menyokong Vale dari Brazil untuk melabur di Teluk Rubiah ketika Pakatan memerintah. Beliau jugalah yang telah menandatangani surat sokongan tersebut namun telah mengetuai perhimpunan memprotes operasi syarikat itu.

"Ini jelas menunjukkan, Mohammad Nizar sengaja mempolitikkan isu Vale demi kepentingan politik sempit pembangkang," katanya kepada pemberita di sini, hari Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657326>